



08 Feb 2018

Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Arena • Page: 54 • Printed size: 247.00cm²

Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 9,693.00

PR Value: MYR 29,079.00 • Item ID: MY0031704939

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Cabaran Duo Highway Challenge 2018

Kuala Lumpur: Seramai 15,500 peserta dijangka menyertai Duo Highway Challenge 2018 yang menawarkan hadiah keseluruhan RM72,700.

Larian dibahagikan kepada dua iaitu Cabaran Lebuhraya Besraya menawarkan laluan sejauh 13 kilometer untuk acara utama manakala 6km bagi kayuhan santai pada 29 April sementara Cabaran Lebuhraya NPE pula menawarkan jarak yang lebih mencabar iaitu 21km maraton se-paruh serta larian 10km pada 29 Julai yang dianjurkan oleh Besraya (M) Sdn Bhd (Bes-



BARISAN penaja bergambar kenangan.

raya), New Pantai Expressway Sdn Bhd (NPE) dan EC Pixels.

"Kami sangat berbangga untuk mengumumkan pengajuran IJM Allianz Duo Highway Challenge untuk 2018 dengan acara ini membuktikan komitmen jangka panjang untuk terus menyumbang secara positif kepada sukan dan masyarakat," kata Datuk Soam Heng Choon, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan IJM Corporation Berhad.

Acara tahun lepas berjaya menarik penyertaan seramai 15,100 peserta di mana 5,700 daripada menyertai Cabaran Lebuhraya Besraya sementara 9,400 lagi menyertai Cabaran Lebuhraya NPE.

"Tahun ini kami membuat

keputusan untuk memperkenalkan kategori antarabangsa bagi memberikan peluang kepada semua peserta luar negara. Kami sentiasa mencari peluang baru untuk memastikan acara ini menarik di mata peserta" kata Eugene Chan, Pengarah Urusan Kumpulan EC Pixels. Pengajuran juga bercadang menganjurkan tiga klinik larian

bagi menggalakkan gaya hidup sihat kepada mereka yang baru berjinak-jinak dengan sukan larian mahupun yang berhasrat untuk membaiki larian mereka.

Klinik ini terbuka tanpa sebarang bayaran namun tempat yang disediakan adalah terhad dan diberikan kepada siapa yang mendaftar terlebih dahulu.